



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS : KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
KOD KURSUS : BBP 20202 / BPV 20402
KOD PROGRAM : BBA / BBB / BBC / BBD / BBE / BBF / BBG / BBV
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2014 / JANUARI 2015
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB EMPAT (4) SOALAN SAHAJA DARI LIMA (5) SOALAN YANG DISEDIAKAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI EMPAT (4) MUKA SURAT

- S1** (a) Nyatakan nama penuh bagi badan berwajib berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia seperti berikut :
- (i) JKPP
 - (ii) NIOSH
 - (iii) NCOSH
- (3 markah)
- (b) Terangkan dengan ringkas perkara-perkara berikut :
- (i) Keselamatan
 - (ii) Keberjagaan
 - (iii) Perkaitan antara keselamatan dan keberjagaan
- (6 markah)
- (c) Anda baru sahaja dilantik sebagai pegawai keselamatan dalam Syarikat Pembinaan ABC Sdn Bhd. Anda bertanggungjawab dalam mentadbirurus hal-hal berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Bincangkan apakah tindakan-tindakan utama yang perlu anda lakukan untuk melaksanakan tanggungjawab ini.
- (16 markah)
- S2** (a) Nyatakan apakah yang dimaksudkan dengan HIRARC.
- (3 markah)
- (b) Jelaskan tiga (3) faktor utama yang menegaskan bahawa Penilaian Risiko perlu dilakukan di dalam operasi sebuah industri.
- (6 markah)
- (c) Jadual S2 menunjukkan Borang HIRARC bagi satu senario proses penghasilan bebola ikan. Huraikan dengan jelas apakah yang dapat dilihat daripada proses kerja tersebut daripada sudut HIRARC.
- (16 markah)

- S3** (a) Nyatakan tiga (3) kategori kecederaan fizikal. (3 markah)
- (b) Berikan lima (5) faktor yang boleh menyebabkan kecederaan berserta contoh yang sesuai. (10 markah)
- (c) Huraikan enam (6) perkara yang boleh menyebabkan kecederaan fizikal daripada kerja elektrik. (12 markah)
- S4** (a) Berikan definisi hazard kimia berserta dua (2) contoh yang bersesuaian. (4 markah)
- (b) Berikan enam (6) perkara yang boleh didapati dalam kandungan Dokumen Data Keselamatan Bahan (*Material Safety Data Sheet – MSDS*). (6 markah)
- (c) Huraikan kaedah menangani ancaman virus seperti Ebola sekiranya virus tersebut tersebar di daerah Batu Pahat. (15 markah)
- S5** (a) Nyatakan perbezaan antara kemalangan nyaris dan kemalangan besar. (4 markah)
- (b) Berikan empat (4) punca asas kepada kemalangan tempat kerja yang sering dipertimbangkan semasa penyiasatan kemalangan dijalankan. (8 markah)
- (c) Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada tidak berlakunya pemberitahuan, penyiasatan dan pelaporan kemalangan di tempat kerja. Bincangkan faktor-faktor tersebut. (13 markah)

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEM I / 2014/2015
 NAMA KURSUS : KESELAMATAN DAN KESIHATAN

PROGRAM : BBA/BBB/BBB/BBE/BBFBGG/BBV
 KOD KURSUS : BBP20202/BPV20402

BORANG MENGENAL PASTI HAZARD, PENAKSIRAN RISIKO DAN KAWALAN RISIKO	
Organisasi:	SYARIKAT ABC SDN BHD
Proses/Kedudukan:	PENGHASILAN BEBOLA IKAN
Diluluskan Oleh : (Nama, Jawatan)	EN. AMRAN BIN CHIK PENGURUS BESAR
Tarikh:	27/10/2014
Dikendalikan Oleh: (Nama, Jawatan)	1) AHMAD BIN CHIK 2) KAMAL BIN ALI 3) SABERI BIN CHIK
Tarikh: (dari...sehingga...)	
Tarikh Semakan:	TBA

Bil	1. Pengenalpastian Hazard		2. Penaksiran Risiko			3. Kawalan Risiko			
	Hazard	Kesan	Kawalan Sedia ada	Kebarangkalian	Ketenterukan Risiko	Kawalan yang dicadangkan	Orang yang bertanggung jawab (tarikh ditetapkan/status)		
1	Mengisar bahan mentah	Pisau yg tajam Bising Lantai / tangga / platform yang licin	Terputus anggota (jari) / Cedera ringan / Luka Gangguan komunikasi / pendengaran	Tiada	4	3	12	Proedur Kerja Selamat, Penggunaan sarung tangan getah Proedur Kerja Selamat, Penggunaan PPE	Pengurus Production (27/11/2009) Semua kakitangan yang terlibat
	Mengadun bahan mentah	Pisau yg tajam Jentera berputar	Cedera Terputus anggota (jari) / Cedera ringan / Luka Terputus anggota (jari) / Cedera ringan / Luka	Tiada	4	3	12	Melaksanakan kawalan sedia ada dan berterusan Proedur Kerja Selamat, Penggunaan sarung tangan getah	Semua kakitangan yang terlibat Pengurus Production (27/11/2009) Pengurus Production (27/11/2009)
3	Merebus bebola	Stim / air panas	Mati / Melecur	Tiada	1	5	5	Proedur Kerja Selamat, Penggunaan PPE	Semua kakitangan yang terlibat
		Permukaan panas seperti dandang / relau	Melecur	Tiada	2	2	4	Proedur Kerja Selamat, Penggunaan PPE	Semua kakitangan yang terlibat
		Lantai / tangga / platform yang licin	Cedera	Tiada	2	3	6	Proedur Kerja Selamat, Penggunaan PPE	Semua kakitangan yang terlibat

JADUAL S2